

29/08/1998

Tindakan proaktif elak penderitaan rakyat

SETAHUN berlalu, krisis kewangan serantau terus berlarutan. Bahang keperitannya terhadap ekonomi rantau ini lebih ketara dari jangkaan awal. Keadaan ini mendesak kerajaan semua negara bertindak secara komited untuk mencergaskan semula ekonomi masing-masing seberapa segera. Bukan ekonomi negara kecil saja menjadi porak-peranda. Negara industri dan maju juga mengalami kemerosotan pertumbuhan.

Hampir semua negara di Asia Timur terpaksa beberapa kali mengkaji semula unjuran mengenai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 1998. Malaysia tidak terkecuali kerana secara realiti pertumbuhan sebenar sudah tidak dapat dinikmati lagi. Kini semakin jelas pertumbuhan dua hingga tiga peratus yang diunjurkan tahun ini, nyata tidak akan tercapai. Seperti yang diumumkan sebelum ini, KDNK pada suku pertama 1998 kuncup sebanyak 1.8 peratus iaitu pertumbuhan negatif yang pertama kali dicatatkan dalam 13 tahun. Kelmarin, Bank Negara mengumumkan penguncupan itu meningkat lagi kepada 6.8 peratus bagi suku kedua.

Kuncupan ekonomi mempunyai akibat yang amat mengerikan. Namun, tidak dapat tidak, langkah tegas dan berani perlu dilaksanakan untuk menghalang ekonomi daripada terus merosot. Kuncupan berterusan tanpa tindakan drastik akan hanya menimbulkan pelbagai bahana seperti meningkatnya pengangguran, inflasi, bertambahnya kegagalan kewangan korporat, syarikat muflis, dan merebaknya masalah hutang lapuk.

Bagaimanapun, penganalisis ekonomi percaya penguncupan yang dihadapi Malaysia sekarang sudah sampai ke paras terendah dan yakin bagi tempoh seterusnya, walaupun kuncupan pertumbuhan berlaku lagi, ia tidak setinggi angka kelmarin. Lantaran itu, ramai percaya Malaysia akan dapat keluar daripada belunggu penguncupan ekonomi seterusnya mencatatkan kadar pertumbuhan positif menjelang pertengahan tahun depan.

Unjuran yang positif itu berdasarkan kepada dasar fiskal dan kewangan terkini kerajaan yang dijangka mampu memberikan rangsangan segera kepada kegiatan ekonomi. Malah Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, yakin sekurang-kurangnya pertumbuhan satu peratus boleh dicapai tahun depan. Tanda-tanda positif ke arah pemulihan sudah muncul malah bagi tempoh suku kedua ini,imbangan perdagangan mencatatkan lebihan RM13.3 bilion.

Selain itu, langkah fiskal termasuk peruntukan tambahan perbelanjaan pembangunan kerajaan sebanyak RM7 bilion, peruntukan RM5 bilion untuk Dana Pembangunan Infrastruktur, serta peruntukan bagi pembinaan rumah kediaman yang berharga kurang RM150,000 sebanyak RM5 bilion yang digerakkan itu, akan dapat mencergaskan semula ekonomi.

Tindakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara menerusi langkah fiskal termasuk pengurangan rizab keperluan berkanun (SRR) institusi perbankan di Bank Negara kepada 6 peratus juga dijangka memberi kesan positif. Kesan langkah ini ialah pengurangan kos pembiayaan menerusi penurunan kadar asas pinjaman (BLR) di samping melonggarkan syarat had pertumbuhan pemberian pinjaman kepada bank yang berkemampuan.

Jelas dasar dan tindakan yang diambil sudah berada pada landasan yang betul. Segala langkah yang telah dan bakal dilaksanakan untuk merangsangkan semula ekonomi adalah hasil dari muafakat agensi kerajaan dan sektor swasta, termasuk melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sesungguhnya pengorbanan, kesungguhan dan iltizam daripada semua pihak

termasuk kementerian, jabatan dan rakyat adalah prasyarat utama untuk mengelakkan ekonomi negara terus terjerumus ke dalam kemelesetan.

Apa yang berlaku sehingga negara mengalami keperitan ini bukanlah sesuatu yang diundang. Ekonomi Malaysia dan rantau ini gawat kerana angkara luar. Ringgit merudum kerana diserang pedagang mata wang disebabkan sistem kewangan antarabangsa yang sudah ketinggalan zaman tetapi masih mahu dipertahankan kerana pertimbangan keuntungan.

Sesungguhnya, rakyat tidak harus menjadikan angka pertumbuhan negatif sebagai mematikan semangat untuk bergerak pantas memulihkan ekonomi. Semua mesti bertindak proaktif agar penderitaan rakyat tidak menjadi lebih pedih.

Justeru itu, dalam persekitaran ekonomi lembap, perlu untuk memastikan aktiviti produktif terus diperbanyakkan. Penekanan juga mesti diberikan kepada peningkatan kecekapan penggunaan sumber. Negara dan rakyat pernah mengalami kemeselestan sebelum ini dan ia berjaya diharungi bersama. Sekali lagi dugaan tiba dan tidak ada pilihan lain kecuali menghadapinya dengan cecal, tabah, sabar dan berfikir secara bijaksana menanganinya.

(END)